

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
(KULAI)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 22.03.2016**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai penerima dan jumlah peruntukan yang diterima daripada peruntukan sebanyak RM30 juta sebagai sumbangan kepada NGO pada tahun 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang diPertua,

Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM30

juta sebagai sumbangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tahun 2015.

Pemberian kepada NGO ini adalah berdasarkan kepada kriteria berikut :

- i. Mempunyai kumpulan sasaran yang spesifik dan didapati tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh;
- ii. Program berkenaan akan memberi manfaat kepada sebilangan besar kumpulan sasaran;
- iii. Program yang dijalankan adalah selaras dengan dasar dan objektif serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman dan keselamatan;
- iv. Bantuan Kerajaan ini hendaklah hanya kepada persatuan atau NGO yang berdaftar dengan mana-mana pendaftar atau kuasa undang-undang negara; dan
- v. Keutamaan bantuan ini adalah berdasarkan kepada program yang berbentuk kebajikan, kesejahteraan masyarakat, pembangunan sosial, belia dan sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM29.4 juta kepada 69 buah NGO.

Persatuan atau NGO yang menerima peruntukan daripada Kerajaan perlu

mengemukakan laporan mengenai program/aktiviti yang dianjurkan serta laporan akhir kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh satu bulan setelah tamatnya program/aktiviti berkenaan.